

PERWARISAN TANAH ADAT/ULAYAT DI INDONESIA DAN MALAYSIA DALAM ADAT PERPATIH : SATU TINJAUAN SYARAK

Muhammad Aunurrochim Mas'ad Saleh

Nik Rahim Nik Wajis

Mualimin Mochammad Sahid

Setiyawan Gunardi

Mohd. Nasir Abdul Majid

Mariam Saidona Tagaranao

Nuur Athirah Ramli¹

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

ABSTRAK

Dalam adat perpatih yang diamalkan sehingga ke hari ini, pusaka ini dianggap sebagai harta milik seluruh ahli keluarga yang diwariskan secara turun temurun melalui pihak perempuan (garis keturunan ibu). Berdasarkan kepada hukum warisan Islam (faraidh), amalan adat perpatih dalam pembahagian harta pusaka tinggi (tanah adat/ulayat) ini dilihat bercanggah dengan hukum yang telah ditetapkan dalam Islam. Walaubagaimanapun, terdapat perbezaan pandangan dalam menerima amalan ini di kalangan masyarakat. Ada yang menerimanya sebagai satu amalan yang berdasarkan kepada pendekatan hukum wakaf keluarga (waqaf dzurri) dan ada juga yang menentangnya serta menganggapnya sebagai satu amalan yang bercanggah dengan hukum Islam dalam pembahagian warisan (faraidh). Menerusi kajian literatur dengan menggunakan kaedah perbandingan di antara hukum adat dan hukum syariah, kertas kerja ini akan membentangkan isu-isu berkaitan tanah adat sebagai harta pusaka yang diamalkan dalam adat perpatih. Cadangan sebagai jalan keluar bagi ketidakjelasan hukum dalam amalan warisan pusaka tinggi (tanah adat/ulayat) disebabkan perbezaan pandangan di antara golongan yang tidak bersepakat sama ada ia dilarang ataupun dibenarkan dalam syarak. Hasil kajian mendapati bahawa jalan tengah yang boleh diambil dalam menyelesaikan isu hukum amalan warisan tanah adat ini adalah menerusi pendekatan wakaf keluarga (dzurri) dengan cara menjadikan pihak perempuan yang mewarisi harta tersebut hanya sebagai pemegang amanah. Oleh itu, status tanah tersebut adalah harta wakaf yang boleh dimanfaatkan oleh semua pihak keluarga namun tidak boleh diperjualbelikan.

Kata kunci: *Tanah adat, tanah ulayat, harta pusaka, pusaka tinggi, adat perpatih, wakaf keluarga, wakaf dzurri, pusaka islam.*

ABSTRACT

In the practices of Perpatih Customs (Adat Perpatih) practiced to this day, this heir is considered to be the property of all family members inherited from generation to generation through female parties or lineage of mother (matrilineal system). Based on the Islamic heritage law (faraidh), the practices of Adat Perpatih in terms of the distribution of high estate (customary land / tanah adat) is seen to be contrary to the law set out in Islam. However, there is a difference in opinion regarding the acceptance of this practice among the community. Some have accepted it as a practice based on the family waqf law (waqaf dzurri) while others have opposed it as well as regard it as a practice contrary to Islamic law in the division of inheritance (faraidh). Through literature review using comparative methods between

¹ aunn25@usim.edu.my

Customary (adat) law and Syariah law, this paper will present issues pertaining to customary land (tanah adat) and its distribution according to practices within Perpatih custom's practices. The proposed solution to answer this issue is because of differences in views among people from different authorities whether it is prohibited or justified in the Syariah law. The findings show that the moderate solution to resolve the issue of customary land inheritance practices is through the family wakaf approach (wakaf dzurri) by considering the woman who inherited the property as a trustee. Therefore, the status of the land is a wakaf property that can be used by all parties but can not be traded.

Keywords: *Customary land, inheritance, Perpatih custom, Wakaf Zurri, Islamic inheritance*

PENDAHULUAN

Pusaka tinggi dalam kalangan masyarakat Minangkabau di Indonesia disebut dengan istilah Tanah Ulayat. Adapun di Malaysia ia dikenali dengan istilah Tanah Adat. Sistem pewarisan atau pembahagian tanah pusaka ini dalam amalan adat Perpatih adalah berdasarkan kepada garis keturunan ibu iaitu hanya pihak perempuan sahaja yang akan mewarisi harta ini dan bukan pihak lelaki. Perkara ini telah menjadi isu yang sangat kontroversi dan hangat dibincangkan bukan sahaja oleh para ulama' dan para penyelidik, bahkan turut dibahaskan oleh masyarakat umum. Ramai yang berpendapat bahawa kaedah pembahagian harta pusaka berdasarkan sistem Tanah Adat Perpatih ini adalah salah dan bercanggah dengan hukum Islam kerana tidak menepati kehendak syarak dalam undang-undang pewarisan Islam yang dikenali dengan istilah Faraidh. Ini kerana, anak lelaki langsung tidak mempunyai bahagian dan hak milik ke atas tanah pusaka itu seperti yang termaktub di dalam hukum Syarak (pembahagian secara Faraidh).

Namun begitu terdapat pula sebahagian dari kalangan ulamak dan masyarakat, serta para penyelidik yang tidak bersetuju dengan pandangan ini. Mereka menyatakan bahawa sistem pembahagian pusaka tinggi yang berupa tanah Adat mengikut amalan adat Perpatih ini adalah satu sistem yang bertepatan dengan kehendak dan tujuan syarak. Golongan kedua ini mengatakan bahawa amalan ini dianggap selari dengan hukum Syarak kerana ianya membawa manfaat (maslahat) yang besar kepada golongan wanita yang sering teraniaya dan tertindas tanpa sebarang pembelaan khususnya apabila berlakunya perceraian. Secara amnya amalan adat ini – seperti pandangan golongan yang bersetuju – dapat memelihara maslahat manusia (khususnya pihak perempuan) dengan memberinya peruntukkan khas daripada pusaka ini dan seterusnya menjaga kepentingan masa hadapan perempuan daripada kesukaran meneruskan kehidupan berkeluarga sekiranya tidak ada hak sebegini.

Justeru, menerusi artikel sederhana ini, akan dikupas sedikit sebanyak tentang amalan adat Perpatih dalam masyarakat Minangkabau yang berkaitan dengan pembahagian tanah adat (pusaka tinggi) dari sudut pandang yang dikemukakan oleh dua golongan ulamak yang berbeza. Seterusnya akan dicadangkan pandangan yang lebih sesuai kepada prinsip-prinsip syarak berdasarkan kepada dalil –

dalil yang dibenarkan. Disamping itu akan turut dijelaskan beberapa kaedah alternatif sebagai jalan penyelesaian bagi kemelut percanggahan pandangan yang berlaku dalam isu ini.

SEKILAS ADAT DAN BUDAYA MINANGKABAU

Seperti yang disebut dalam banyak literatur tentang budaya Minang, adat Minangkabau adalah peraturan dan undang-undang atau hukum adat yang diamalkan dalam kehidupan sosial masyarakat Minangkabau, khususnya yang bertempat tinggal di Ranah Minang (Sumatera Barat). Bukan hanya di Wilayah ini, adat Minangkabau juga diamalkan secara turun temurun oleh masyarakat Minang yang berada di perantauan di luar wilayah Minangkabau, seperti di Negeri Sembilan, Malaysia.²

Secara amalnya, adat Minang ini berlandaskan kepada tradisi yang diwarisi secara turun-temurun dan berpandukan kepada hukum syarak (syariat Islam) dan sudah dianut oleh masyarakat Minangkabau secara luas. Menerusi kekuasaan para Raja dan Penghulu, adat ini diamalkan oleh masyarakat dalam menjalankan pemerintahan dan peraturan kehidupan sehari-hari. Semua peraturan dan undang-undang yang diamalkan ini seterusnya diakui dan menjadi adat serta hukum yang ditaati oleh masyarakat. Daripada kenyataan dan prinsip amalan ini, muncul ibarat yang terkenal “*Adat bersendikan Syarak, Syarak bersendikan Kitabullah*”.³

Namun begitu, setelah kedatangan penjajah Eropah, wilayah hukum Adat dan peraturan-peraturan ini telah dibatasi dan dijadikan hanya untuk urusan jabatan Penghulu, kekuasaan atas Tanah Adat / Ulayat, peraturan pembahagian warisan (pusaka), urusan perkahwinan, dan adat istiadat sahaja. Adapun kekuasaan hukum/ undang-undang, keamanan wilayah dan urusan teritorial telah diambil alih oleh pemerintah kolonial (penjajah). Keadaan ini berlanjutan sampai pada zaman kemerdekaan.

Menurut sejarahnya, budaya Minangkabau berasal dari Luhak Nan Tigo, yang kemudian menyebar ke wilayah rantau di sisi barat, timur, utara dan selatan dari Luhak Nan Tigo. Saat ini wilayah budaya Minangkabau meliputi Sumatera Barat, bahagian barat Riau (Kampar, Kuantan Singingi, Rokan Hulu), pesisir barat Sumatera Utara (Natal, Sorkam, Sibolga, dan Barus), bahagian barat Jambi (Kerinci, Bungo), bahagian utara Bengkulu (Mukomuko), bahagian barat daya Aceh (Aceh Barat Daya, Aceh Selatan, Aceh Barat, Nagan Raya, dan Kabupaten Aceh Tenggara), hingga Negeri Sembilan di Malaysia.⁴

² Abdul Samad Idris (Tan Sri Datuk). 1994. *Negeri Sembilan: Gemuk dipupuk, segar bersiram, Adat Merentas Zaman*. Negeri Sembilan Darul Khusus: Jawatan Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan. m.s 284.

³ Ibid. m.s 277

⁴ n.a. 25 September 2013. *Suku Minangkabau*. <https://id.wikipedia.org/wiki>.

Budaya Minangkabau pada mulanya bersifat budaya animisme dan Hindu-Budha. Kemudian sejak kedatangan para reformis Islam dari Timur Tengah pada akhir abad ke-18, adat dan budaya Minangkabau yang tidak sesuai dengan hukum Islam dihapuskan. Para ulama yang dipelopori oleh Haji Piobang, Haji Miskin, dan Haji Sumanik, mendesak Kaum Adat untuk mengubah pandangan budaya Minang yang sebelumnya banyak berkiblat kepada budaya animisme dan Hindu-Budha, untuk berkiblat kepada syariat Islam.⁵

Dalam sistem pewarisan adat dan harta, suku Minang menganut sistem matrilineal yang berbeza dengan kebanyakan masyarakat dunia yang menganut sistem patrilineal.⁶ Terdapat kontradiksi antara sistem matrilineal dengan sistem pewarisan yang diajarkan oleh agama Islam yang menjadi anutan orang Minang.⁷ Oleh sebab itu, dalam sistem pewarisan suku Minang dikenali istilah harta pusaka tinggi dan harta pusaka rendah. Harta pusaka tinggi merupakan harta turun temurun yang diwariskan berdasarkan garis keturunan ibu, sedangkan harta pusaka rendah merupakan harta pencarian yang diwariskan secara faraidh berdasarkan hukum Islam.

ADAT PERPATIH MASYARAKAT MINANG DI INDONESIA DAN MALAYSIA

Seperti yang diamalkan oleh masyarakat penganut hukum adat, terdapat dua jenis hukum adat, iaitu Adat Perpatih dan Adat Temenggung. Adat Perpatih dan Adat Temenggung mempunyai perbezaan dalam aspek kawasan dan pengasasan, bentuk dan pelaksanaan, pemerintahan, pelaksanaan undang-undang, pembahagian harta, kekeluargaan dan perkahwinan.

Mengikut sejarahnya, Adat Perpatih berasal dari Pagar Ruyung, Sumatera yang diasaskan oleh Datuk Perpatih Nan Sebatang yang menjaga kawasan tanah sebelah darat. Di Malaysia, adat ini diamalkan di Negeri Sembilan dan Nanning. Dipercayai ianya dibawa ke Negeri Sembilan oleh orang Minangkabau pada kurun ke-17.⁸

⁵ n.a. 25 September 2013. *Budaya Minangkabau*. <https://id.wikipedia.org/wiki/>

⁶ Patrilineal adalah suatu adat masyarakat yang mengatur alur keturunan berasal dari pihak ayah. Kata ini seringkali disamakan dengan patriarkat atau patriarki, meskipun pada dasarnya artinya berbeda. Patrilineal berasal dari dua kata bahasa Latin, yaitu pater yang berarti ayah, dan linea yang berarti garis. n.a. *Patrilineal*. 20 Julai 2017. <https://id.wikipedia.org/wiki/>

⁷ Matrilineal adalah suatu adat masyarakat yang mengatur alur keturunan berasal dari pihak ibu. Kata ini seringkali disamakan dengan matriarkat atau matriarki, meskipun pada dasarnya artinya berbeda. Matrilineal berasal dari dua kata bahasa Latin, yaitu mater yang berarti ibu, dan linea yang berarti garis. n.a. 20 Julai 2017. <https://id.wikipedia.org/wiki/Matrilineal>.

⁸ n.a. 10 Mac 2014. "Ciri-ciri Adat Perpatih dan Adat Temenggung". <http://badan4u.com.my/index.php/blog-badan/>.

Mengikut bentuk dan pelaksanaannya, Adat Perpatih merupakan adat yang tidak bertulis. Ia adalah pepatah yang diwariskan secara lisan. Hukum adat ini berasaskan dua sumber iaitu resam atau adat turun temurun yang diwarisi dan hukum syarak mazhab Shafie. Adat ini dihafal oleh Ketua Adat dan bersifat demokrasi, iaitu kuasa pemerintah bukan terletak pada tangan seorang sahaja tetapi dibahagikan antara pemerintah, Undang, Lembaga, Buapak, Perut dan orang ramai. Sistem pemerintahannya mementingkan prinsip pemuafakatan, di mana Yamtuan dipilih secara demokrasi oleh ketua-ketua suku yang dikenali sebagai Undang.

Dari segi undang-undang pembahagian harta, Adat Perpatih mementingkan jurai keturunan sebelah nasab ibu atau diberatkan kepada kaum perempuan. Harta pusaka diturunkan melalui keturunan perempuan, iaitu daripada pihak sebelah ibu sebagai pengasas keluarga kepada anak perempuannya. Suami tidak berhak memiliki harta pusaka, dan jika sekiranya seseorang ibu tidak mempunyai anak perempuan, maka hartanya akan diwariskan kepada adik perempuannya atau anak perempuan adik-adiknya dan cucu-cucu perempuannya.

Dalam aspek perkahwinan pulak, Adat Perpatih tidak membenarkan perkahwinan sesama suku sebaliknya hendaklah berkahwin daripada suku yang berlainan dan perkahwinan ini dikenali eksogami. Perkahwinan sesama suku tidak digalakkan kerana dianggap tidak mengembangkan keturunan, melanggar adat dan akan dibuang suku. Di Negeri Sembilan terdapat 12 suku dan setiap suku mempunyai nama tersendiri seperti Biduanda, Batu Hampar, Paya Kumbuh, Anak Melaka, Anak Acheh dan lain-lain lagi. Susunan keluarga masyarakat Adat Perpatih berdasarkan matrilineal yang mengutamakan wanita yang disusurgalurkan kepada keturunan sebelah ibu. Susunan keluarga sebegini mengandungi ibu, anak-anak perempuan, anak-anak lelaki, cucu perempuan, cucu lelaki dan seterusnya. Adat Perpatih melarang seorang lelaki berkahwin dengan dua atau lebih orang wanita yang berasal daripada suku yang sama.⁹

PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA DALAM MASYARAKAT MINANGKABAU

Sistem pembahagian harta pusaka menerusi amalan adat Perpatih ini ada dijumpai dalam sistem hidup suku di Minangkabau, Indonesia dan di Negeri Sembilan, Malaysia. Secara ringkasnya, di Minangkabau dikenal ada empat (4) macam harta, iaitu: harta pusaka tinggi, harta pusaka rendah, harta sepencarian dan harta seorang (milik peribadi).

Pertama: Harta pusaka tinggi adalah harta yang diwariskan secara turun temurun dari beberapa generasi menurut garis keturunan ibu. **Kebiasaanya harta Pusaka Tinggi** berupa barang tidak

⁹ Abdul Samad Idris (Tan Sri Datuk). 1994. *Negeri Sembilan: Gemuk dipupuk, segar bersiram, Adat Merentas Zaman*. Negeri Sembilan Darul Khusus: Jawatan Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan. m.s 41. n.a. 10 April 2014. "Adat Perpatih". <https://ms.wikipedia.org/wiki/>.

bergerak, seperti rumah, kolam, sawah, ladang, kampung, hutan dan lain-lain diwarisi (bertukar pemilikannya) secara kolektif-alami turun temurun menurut garis ibu (matrilineal) dan tidak boleh dibahagi. Harta pusaka tinggi ini berkaitan dengan sejarah lahirnya sesebuah kampung dan kota yang diikuti dengan membuka sawah ladang sebagai sumber kehidupan. Hasil usaha nenek moyang inilah yang diwarisi oleh generasi sekarang.

Kedua: Harta pusaka rendah adalah segala harta yang didapat daripada hasil usaha pekerjaan dan pencarian sendiri. Harta ini boleh dijual dan digadaikan mengikut keperluan dengan kesepakatan ahli waris. Ia **adalah harta yang pada asalnya adalah milik** harta milik pribadi yang berupa barang tidak bergerak, seperti rumah, sawah, ladang dan sebagainya yang **dihebarkan** untuk menjadi harta kaum, suku ataupun nagari, bagi tujuan kesejahteraan bersama dan *tidak dibahagi mengikut hukum pusaka Islam (faraidh)*.

Ketiga: Harta Sepencarian, iaitu harta harta daripada hasil usahasama suami istri yang diperolehi selama tempoh perkahwinan. Harta sepencarian yang diperolehi dengan membeli atau dalam istilah adatnya disebut tembilang emas berupa sawah, ladang, kebun dan lain-lain. Jika terjadi perceraian, maka harta jenis ini boleh dibahagikan.

Keempat: Harta seorang atau harta milik pribadi adalah harta yang dimiliki oleh seseorang, sama ada oleh suami mahupun isteri sebelum terjadinya perkahwinan. Setelah terjadi perkahwinan, status harta ini masih milik masing-masing. Justeru, harta seorang ini merupakan harta bawaan dari suami dan harta isteri. Oleh kerana ianya adalah harta milik seorang atau milik peribadi, maka harta ini dapat dihebahkan kepada orang lain tanpa terikat dengan suami atau istrinya. Dengan kata lain, harta milik peribadi ini boleh berupa apapun bentuknya serta didapatkan dari hasil jerih payah pencarian oleh seseorang (suami atau isteri), dan ketika ia meninggal akan dibahagi menurut hukum Faraidh.¹⁰

PEWARISAN TANAH ADAT/ULAYAT DALAM AMALAN ADAT PERPATIH

Seperti yang dijelaskan sebelum ini, terdapat empat jenis pusaka harta dalam budaya Minangkabau, dan harta yang berupa tanah yang dikenali dengan istilah Tanah Adat atau Ulayat termasuk dalam jenis pusaka tinggi yang merupakan warisan turun-temurun dari leluhur yang dimiliki oleh suatu keluarga atau kaum dan hanya diwariskan kepada perempuan (garis keturunan ibu) sahaja.

Harta pusaka tinggi ini tidak boleh dijualbelikan, dan hanya boleh digadaikan untuk mendapatkan manfaatnya. Syarat boleh menggadaikan harta pusaka tinggi ini adalah perlu mendapat persetujuan

¹⁰ Hamka. 2006. *Islam dan adat Minangkabau*. Selangor: Pustaka Dini. m.s 115. n.a. 18 April 2014. *Bagaimana Pembagian Pusaka Tinggi, Sudah sesuaikan dengan syaria Islam di minangkabau*. <https://bundokanduang.wordpress.com>.

diantara pemimpin kaum dalam satu mesyuarat. Disamping itu, penggadaian itu perlu diutamakan kepada suku yang sama meskipun boleh juga digadaikan kepada suku lain.¹¹

Disebutkan bahawa terdapat empat perkara yang membolehkan gadaian harta pusaka tinggi ini, iaitu: (1) jika tidak ada biaya untuk mengkahwinkan anak perempuan, sementara umurnya sudah tua, (2) jika tidak ada biaya untuk mengurus jenazah yang perlu segera dikuburkan, (3) jika tidak ada biaya untuk baikpulih rumah, sementara rumah sudah rosak dan lapuk sehingga tidak layak dihuni, dan (4) jika tidak ada biaya untuk kenduri pengangkatan penghulu (datuk) atau biaya untuk menyekolahkan seorang ahli suku ke tingkat yang lebih tinggi.¹²

PANDANGAN ULAMA TERHADAP AMALAN PEWARISAN TANAH ADAT (PUSAKA TINGGI) BERDASARKAN ADAT PERPATIH

Menurut hukum Islam, pewarisan harta haruslah diturunkan sesuai dengan hukum *faraidh* yang sudah diatur pembahagiannya di dalam al-Qur'an di antara pihak perempuan dan laki-laki, seperti termaktub di dalam surah an-Nisa' ayat: 11-12. Namun dalam amalan adat Perpatih di kalangan masyarakat Minang, sama ada di Sumatra Barat, Indonesia mahupun di Negeri Sembilan, Malaysia, seluruh harta pusaka tinggi diturunkan kepada anggota keluarga perempuan dari garis keturunan ibu. Perkara inilah yang menimbulkan perdebatan panjang dan kontroversi di kalangan ulamak dan juga masyarakat secara umumnya.

Di antara golongan yang menentang sistem pembahagian harta pusaka tinggi ini dan berpandangan ianya tidak menepati hukum waris Islam (*faraidh*) adalah Syaikh Ahmad Khatib al-Minangkabawi di Mekah, Syaikh Thahir Jalaluddin di Perak Malaysia, dan KH Agus Salim di Indonesia. Disebutkan bahawa Syaikh Ahmad Khatib al-Minangkabawi, imam dan khatib Masjidil Haram Mekah, menyatakan bahawa harta pusaka tinggi termasuk harta syubhat sehingga haram untuk dimanfaatkan. Beliau tetap berpegang dengan pendapatnya itu dan tidak mahu kembali ke kampungnya sehingga beliau meninggal di Mekah pada tahun 1916 M.¹³ Hanya murid-murid beliau yang pulang ke kampung halaman dan menyebarkan Islam, seperti: Syaikh M. Jamil Jambek, DR. Abdul Karim Amrullah (Bapak Buya Hamka), DR. Abdullah Ahmad, Syaikh Jamil Jaho, KH. Ahmad Dahlan dan lain-lain.

Terdapat juga golongan yang berpandangan sebaliknya, iaitu mereka bersikap membiarkan dan tidak mengusik amalan sistem pembahagian pusaka tinggi ini seperti yang telah diyakini secara turun-temurun di kalangan masyarakat Minang. Di antara golongan ini adalah para pahlawan Perang Paderi

¹¹ Ibid.

¹² Ibid.

¹³ n.a. 10 Mac 2014. Harta Pusaka Tinggi. <http://mafahim-azhari.blogspot.my/2008/03/harta-pusaka-tinggi.html>.

yang dikenal lantang dan gigih dalam usaha merubah adat Minang yang bertentangan dengan Islam kecuali yang berkaitan dengan masalah harta pusaka tinggi ini. Di antara mereka adalah: H. Miskin, H. Abdurrahman Piabang, Tuanku Lintau, Tuanku Nan Renceh dan lain-lain.

Di samping dua pandangan yang berbeza ini, terdapat pandangan moderat (pertengahan) seperti yang dianut oleh Syaikh Abdulkarim Amrullah (Ayah Buya Hamka) yang mengambil jalan tengah dengan memfatwakan bahawa harta pusaka tinggi termasuk kategori wakaf keluarga (*dzurri*) yang boleh dimanfaatkan oleh pihak keluarga namun tidak boleh diperjualbelikan.¹⁴

Selain berpandukan kepada adat yang sudah diamalkan secara turun-temurun, terdapat beberapa alasan harta pusaka tinggi ini tidak dibahagikan mengikut peruntukkan syarak iaitu menerusi hukum waraisan Islam (*faraidh*). Di antaranya adalah dikatakan bahawa pada hakikatnya harta pusaka tinggi merupakan amanah dari leluhur yang tidak diketahui siapa pemilik asalnya. Jika harta ini diwariskan seperti mana harta pusaka rendah atau warisan biasa, maka perlu mendapat kejelasan terlebih dahulu siapa yang mewariskannya. Inilah yang dianggap sebagai antara alasan logik harta pusaka tinggi tidak diperbolehkan untuk diwarisi oleh keluarga dari garis ayah.

HUJAH DAN ALASAN GOLONGAN YANG MENENTANG DAN MENERIMA SISTEM PEMBAHAGIAN TANAH ADAT/ULAYAT (PUSAKA TINGGI) DALAM ADAT PERPATIH

Semua penulis dan pengkaji tentang sistem Tanah Adat Perpatih ini masing-masing mempunyai hujah dan alasan bagi menyokong pendirian mereka terhadap sistem pembahagian pusaka tinggi (Tanah Adat) mengikut adat Perpatih ini. Ianya boleh dibahagikan kepada dua golongan, Pertama: pandangan yang mengatakan bahawa amalan ini adalah satu sistem yang bercanggah dengan hukum Syarak dan kedua: mereka yang berpendirian bahawa amalan ini adalah sistem yang tidak bercanggah bahkan bertepatan dengan hukum Syarak.

A. HUJAH DAN ALASAN GOLONGAN YANG MENOLAK SISTEM TANAH ADAT PERPATIH

Antara hujah-hujah dan alasan golongan ini ialah:

Pertama:

Amalan pembahagian pusaka tinggi yang berupa Tanah Adat mengikut Adat Perpatih ini bercanggah dengan ketetapan Syarak seperti yang dijelaskan di dalam al Quran dan Hadis. Terdapat ayat-ayat al Quran yang dengan jelas meletakkan asas dan garis panduan di dalam pembahagian harta pusaka. Di antaranya ialah firman Allah di dalam Al Quran an-Nisa' ayat 11-12:

¹⁴ Hamka. 2006. m.s 115.

“Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga dari harta yang ditinggalkan oleh si mati. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja, maka bahagiannya ialah satu perdua (separuh) harta itu.....”¹⁵

Apa yang difahami dari ayat di atas ialah bahawa pembahagian harta pusaka kepada waris-waris yang berhak menerima harta tersebut diterangkan oleh Allah di dalam Quran secara terperinci yang dikenali sebagai Faraidh. Sebagai orang yang beriman yang meyakini bahawa Allah SWT adalah Tuhan yang Maha Bijaksana, Maha Adil dan Maha Mengetahui, pastinya sudah menjadi keyakinan bahawa sistem pembahagian harta pusaka yang dicipta oleh Allah iaitu *Faraidh* adalah sistem yang amat sempurna berbanding sistem yang dicipta oleh manusia berdasarkan logik pemikiran mereka.

Kedua:

Pelaksanaan sistem dan amalan Tanah Adat Perpatih membawa kesan negatif dari sudut ekonomi. Ini kerana apabila wanita yang mewarisi harta pusaka melalui sistem ini enggan tinggal atau mengusahakan tanah tersebut kerana sebab-sebab tertentu, maka akibatnya banyak tanah pusaka akan terbiar tanpa dimanfaatkan atau diusahakan. Ini sering berlaku apabila anak perempuan berhijrah mengikut suami manakala anak lelaki pula enggan mendiami tanah pusaka itu atas alasan waris mereka tidak dapat mewarisi tanah pusaka tersebut sekiranya berlaku kematian. Dari perspektif ekonomi, ini termasuk dalam pembaziran sumber atau harta yang amat ketara yang perlu diberi perhatian yang serius oleh semua pihak yang terbabit.

Ketiga:

Pelaksanaan sistem dan amalan tanah adat perpatih membawa kesan negatif dari sudut hubungan kekeluargaan di kalangan mereka yang terlibat. Ini kerana waris lelaki merasakan bahawa mereka dizalimi kerana mereka sepatutnya lebih berhak ke atas harta pusaka yang diwariskan apatah lagi jika mereka lebih memerlukannya kerana kemiskinan, penyakit atau seumpamanya. Namun kerana sistem ini, maka mereka hilang hak ke atas harta tersebut. Kesannya hubungan kekeluargaan menjadi renggang, bahkan boleh membawa terputusnya silaturahim di antara mereka.

B. HUJAH DAN ALASAN GOLONGAN YANG MENERIMA SISTEM TANAH ADAT PERPATIH

Terdapat para penulis dan pengkaji yang melihat bahawa sistem Tanah Adat Perpatih adalah satu sistem yang amat positif yang harus dipertahankan. Di antara hujah dan alasan mereka adalah seperti berikut:

a) Melindungi Golongan Wanita Apabila Berlaku Perceraian

Mereka berhujah bahawa sistem Tanah Adat Perpatih ini bertujuan untuk melindungi hak-hak wanita dan ianya tidak bercanggah dengan hukum syara' yang sentiasa meletakkan wanita di kedudukan yang tinggi dan terhormat. Sebagai contoh, jika berlaku perceraian, kaum wanita tidak akan hidup merempat

¹⁵ Al-Quran. Surah al Nisa 3:11.

kerana mereka memiliki tanah hasil dari sistem Tanah Adat Perpatih ini. Ini kerana pihak lelaki yang akan keluar dari rumah yang dibina di atas tanah adat milik isterinya, manakala si isteri terus dapat tinggal di tanah adat itu tanpa menjejaskan kehidupannya. Dengan itu kaum wanita dapat perlindungan dari sistem Tanah Adat Perpatih ini.

b) Tanah Adat Perpatih turut memberikan keadilan kepada pihak lelaki

Mereka juga berhujah bahawa sistem Tanah Adat Perpatih turut memberikan keadilan kepada pihak lelaki meskipun mereka tidak boleh mewarisi tanah adat kerana mana-mana lelaki yang mengahwini wanita dari kalangan masyarakat Minang yang mengamalkan adat Perpatih, mereka tetap boleh tinggal di atas tanah adat milik ibu wanita itu. Namun dari sudut pewarisan, wanita itulah yang akan mewarisi tanah adat itu sekiranya ibunya meninggal dunia. Ini kerana Mengikut peraturan adat, kaum lelaki tidak boleh didaftarkan namanya sebagai pemilik tanah adat. Walaubagaimanapun, mereka dibenarkan untuk mengusahakan dan makan hasil dari tanah adat tersebut. Dalam keadaan-keadaan tertentu orang lelaki boleh didaftarkan sebagai penghuni sepanjang hayat (*life occupant*).

Apa yang dimaksudkan di sini adalah, waris lelaki sama ada yang terdiri dari anak lelaki ataupun saudara lelaki seibu sebapa akan didaftarkan di dalam geran tanah sebagai penghuni sepanjang hayat di samping waris wanita yang hidup didaftar sebagai pemilik harta tanah adat tersebut.

Dan sekiranya si mati tidak ada waris perempuan langsung, sedangkan yang ada hanya anak lelaki atau saudara lelaki sahaja, maka harta pusaka ini dikenali sebagai *pusaka gantung*. Waris lelaki tersebut berhak untuk memohon supaya tanah ini dijual secara lelong mengikut peraturan dalam lelong gadaian, dan duit jualan lelong diberikan kepada waris lelaki tersebut. Tetapi sekiranya tidak wujud sebarang waris sama ada di kalangan waris lelaki atau perempuan, Pentadbir Tanah Daerah boleh memerintahkan supaya tanah ini dijual secara lelong dan hasilnya diserahkan kepada *Baitul Mal*.¹⁶

c) Manfaat lelaki dan istrinya dapat membina rumah di atas tanah pusaka itu

Selain itu lelaki dan isterinya juga boleh membina rumah berasingan di atas tanah yang sama yang dimiliki oleh ibu wanita tersebut tanpa sebarang halangan. Jadi di sini tidak timbul isu berhubung keadilan atau ketidakadilan kepada pihak lelaki.

¹⁶ Makiah Tussaripah Hj Jamil & Jamaliah Mohd Taib. n.d. *Kajian Adat Perpatih Di Negeri Sembilan: Satu Tinjauan Menurut Perspektif Islam*. Fakulti Sains Komputer dan Matematik Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kampus Kuala Pilah: Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU).

d) Pihak institusi agama Islam berpandangan sistem Tanah Adat ini tidak bercanggah dengan Islam

Selain dari hujah-hujah di atas, mereka juga menyatakan bahawa pihak berkuasa agama Islam dan institusi agama Islam di Negeri Sembilan telah menyepakati bahawa pembahagian pusaka dalam sistem Tanah Adat ini tidak bercanggah dengan Islam kerana ia merupakan tanah yang diwakafkan kepada suku. Manakala penama tanah itu hanyalah sebagai pemegang amanah kepada tanah tersebut. Pemegang amanah ini akan diwariskan kepada anak perempuan dari jurai (nasab) ibu sebagai perut suku.¹⁷

e) Sistem Tanah Adat adalah sama seperti sistem wakaf di dalam Islam

Golongan ini juga membawa beberapa hujah lain yang mengatakan bahawa sistem Tanah Adat adalah sama seperti sistem wakaf di dalam Islam. Menurut Makiah Tussaripah Jamil dan Jamaliah Mohd Taib, Adat Perpatih dan Waqaf Khas memberi satu gambaran yang hampir serupa dengan konsep tanah adat perpatih yang mensyaratkan pewarisan dan pemindahmilikannya hanya terdiri daripada waris perempuan dalam suku tersebut. Sebagaimana waqaf khas, konsep tanah adat perpatih meletakkan syarat pemilikan kepada waris perempuan, namun manfaat daripada harta tersebut adalah milik bersama ahli suku tersebut.¹⁸

Perbandingan yang hampir sama juga pernah dilakukan oleh Prof. Dr. Hamka yang menyentuh tentang adat Perpatih di Minangkabau Indonesia. Menurut Prof. Dr. Hamka, bahawa Dr. Syeikh Abdulkarim Amrullah (ayah beliau, yang juga ulama ternama di Indonesia dari Minangkabau) telah berfatwa bahawa harta pusaka tinggi adalah sebagai waqaf sebagaimana yang pernah dilakukan oleh Umar bin Khathab pada hartanya sendiri di Khaibar.¹⁹

Dari semua hujah dan alasan yang dibentangkan oleh kedua-dua pihak tentang sistem Tanah Adat ini, maka dapatlah disimpulkan bahawa kedua-dua kumpulan ini mempunyai hujah tersendiri dalam mempertahankan pendirian mereka masing-masing. Persoalannya di sini, apakah tidak ada jalan penyelesaian yang lebih baik dan harmoni yang boleh menyatukan antara kedua pandangan ini agar satu jalan penyelesaian dapat ditemui? Persoalan ini akan diperbahaskan di dalam huraian berikut ini.

HUKUM SYARAK KE ATAS PEWARISAN TANAH ADAT (HARTA PUSAKA TINGGI)

Dalam mengambil sikap jika dihadapkan kepada hukum Allah dan hukum ciptaan manusia, tidak syak lagi bagi seorang Muslim, apabila wujudnya pertembungan antara dua hukum ini, maka sudah tentu

¹⁷ n.a. 17 Ogos 2013. “Sistem Tanah Adat Perpatih Bercanggah”. <http://aliasmohdyusof.blogspot.my>

¹⁸ *Ibid.*

¹⁹ Hamka. 2006. m.s 126.

hukum Allah wajib diutamakan. Bahkan bagi seorang yang benar-benar beriman mereka patuh dan taat kepada semua perintah Allah tanpa soal. Ini bertepatan dengan firman Allah yang bermaksud:

*“Dan tidaklah harus bagi orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan apabila Allah dan RasulNya menetapkan keputusan mengenai sesuatu perkara (tidaklah harus mereka) mempunyai hak memilih ketetapan sendiri mengenai urusan mereka. Dan sesiapa yang tidak taat kepada hukum Allah dan RasulNya maka sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang jelas nyata.”*²⁰

Jika dibawa kes sistem pembahagian pusaka tinggi (Tanah Adat) ini maka jelas diketahui bahawa berdasarkan ayat-ayat al Quran yang telah dinyatakan sebelum ini kaedah pembahagian harta pusaka berdasarkan sistem Tanah Adat adalah bercanggah dengan apa yang termaktub di dalam al Quran. Justeru ianya perlu diperbetulkan dan diubahsuai mengikut kehendak Syarak. Meneruskan kaedah pembahagian melalui kaedah ini adalah dianggap sebagai mengambil hak orang lain secara batil seperti yang dinyatakan di dalam al-Quran:

*“Janganlah kamu makan harta (orang lain) antara kamu dengan jalan yang salah dan (janganlah) mengeluarkan harta (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan sebahagian daripada harta manusia dengan cara yang berdosa sedangkan kamu mengetahuinya.”*²¹

Di dalam sebuah hadis Nabi Muhammad SAW bersabda:

*“Tidak boleh memudharatkan orang lain, dan tidak boleh membalas bahaya orang lain melebihi mudharat yang diberikannya.”*²²

Berdasarkan kepada hadis ini, apa sahaja perbuatan yang boleh memudharatkan orang lain adalah ditegah dan diharamkan di dalam Islam. Menafikan hak pemilikan harta bagi waris lelaki adalah satu kemudharatan yang nyata. Justeru, ianya wajib dijauhkan.

Meskipun ramai yang berhujah bahawa pembahagian harta pusaka berdasarkan sistem Tanah Adat membawa banyak manfaat khususnya kepada wanita, berbanding apa yang diamalkan di zaman Jahiliyyah di mana wanita langsung tidak diberi hak untuk memiliki harta pusaka²³ namun, ianya harus ditolak kerana apabila satu-satu perkara tersebut mempunyai nas (dalil) yang jelas, maka tidak harus sama sekali untuk menggunakan kaedah logik dalam menghalalkannya. Walaupun matlamatnya adalah jelas iaitu untuk melindungi golongan wanita, namun matlamat tidak menghalalkan cara.

JALAN PERTENGAHAN DALAM AMALAN PEMBAHAGIAN PUSAKA TINGGI (TANAH ADAT) DALAM ADAT PERPATIH

²⁰ Al-Quran. Surah Al Ahzab 33:36.

²¹ Al-Quran. Surah al Baqarah 2:188.

²² Hadits hasan diriwayatkan oleh Ibnu Majah, al-Daruquthni, dan yang lainnya dengan dengan sanad yang diriwayatkan oleh Malik dalam Al-Muwatha' secara mursal. Ibn Majah, n.d. Sunan Ibn Majah.

²³ al-Sabuniy, Muhammad. 2002. *Al-Mawarith fi Al-Syaricah al-Islamiyyah fi dau' al Kitab wa al-Sunnah*. n.pl: Maktabah al- Taufiqiyyah. m.s. 16

Terdapat beberapa kaedah yang diyakini mampu menyelesaikan kemelut pembahagian harta pusaka yang dilaksanakan melalui sistem Tanah Adat ini. Antaranya ialah melalui pertama; Waqaf, kedua Hibah dan yang ketiga melalui kaedah Amanah Hibah. Penjelasannya adalah seperti berikut:

Pertama: WAKAF

Wakaf berasal dari perkataan Arab: (waqafa) yang membawa maksud berhenti, menegah dan menahan. Dari sudut istilah, wakaf ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya, untuk kebajikan dengan niat untuk mendekatkan diri pewakaf kepada Allah SWT.

Melalui kaedah ini, wanita yang mewarisi harta pusaka dari ibunya sebelum ini boleh mewakafkan hartanya kepada mana-mana anaknya sama ada anak lelaki atau perempuan. Di dalam kes ini, jika wanita tersebut masih ingin mempertahankan prinsipnya untuk terus berpegang kepada sistem Tanah Adat, dia masih boleh meneruskannya melalui kaedah ini yang mana ianya dibenarkan oleh hukum Syarak.

Terdapat dua jenis wakaf di dalam Islam iaitu *wakaf dzurri* dan *wakaf khairi*. Menurut Dr Wahbah Az Zuhaili, *wakaf dzurriy* adalah harta yang diwakafkan dan ditujukan kepada orang-orang tertentu sahaja, seorang atau lebih, sama ada keluarga di wakif ataupun bukan. Manakala *wakaf khairi* pula ialah wakaf bagi tujuan membuat kebajikan seperti mewakafkan untuk dirinya sendiri, untuk anak-anaknya selepas itu bagi tujuan untuk membuat kebajikan²⁴. *Wakaf dzurri* ini juga disebut wakaf khusus atau *wakaf ahli*. Wakaf untuk keluarga ini dibenarkan di dalam Islam berdasarkan kepada hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim dari Anas bin Malik tentang wujudnya wakaf keluarga Abu Talhah kepada kaum kerabatnya. Di hujung hadis tersebut dinyatakan seperti berikut:

*“Aku telah mendengar ucapanmu tentang hal tersebut. Aku berpendapat sebaiknya kamu memberikannya kepada keluarga terdekat. Maka Abu Talhah membagikannya untuk para keluarga dan anak-anak bapa saudaranya.”*²⁵

²⁴ al-Zuhailiy, Wahbah. 1987. *al-Wasaya wa al-Waqf fi Al Fiqh al-Islamiy*. Beyrut: Dar Al-Fikr al-Muasir. m.s. 16

²⁵ Al-Bukhariy, 7/109, riwayat Muslim dalam Kitab az Zakah, 2/693.

Wakaf dzurri atau wakaf ahli adalah wakaf yang membawa kesan yang amat positif kerana pemberi wakaf (wakif) akan memperoleh dua kebaikan, iaitu pertama, kebaikan dari amal ibadah wakafnya dan yang kedua, mempereratkan hubungan silaturahim dengan keluarga yang diberi harta wakaf tersebut.

Namun begitu, terdapat beberapa masalah yang sering dihadapi oleh mereka yang mengamalkan wakaf ini antaranya ialah apabila berlakunya kematian mereka yang menerima wakaf tersebut. Siapakah nanti yang berhak untuk mengambil manfaat selepas kematiannya? Namun perkara ini boleh diselesaikan dengan cara wakif memasukkan semua anak cucu sebagai mereka yang berhak untuk mengambil manfaat dari harta wakaf tersebut selepas kematian mereka yang menerima wakaf.

Kedua: HIBAH

Hibah dari segi bahasa bermaksud pemberian sama ada dalam bentuk *ain* (barang zahir) atau selainnya. Dari segi istilahnya ialah suatu akad yang mengandungi pemberian milik oleh seseorang secara sukarela terhadap hartanya kepada seseorang yang lain pada masa hidupnya tanpa balasan (*'iwadh*).

Oleh kerana menghalang golongan waris lelaki yang layak untuk menerima harta pusaka berdasarkan perbincangan yang lalu adalah suatu yang dilarang kerana ianya bercanggah dengan nas (dalil) Al-Quran dan hadith yang jelas, maka pengamal sistem ini mempunyai kaedah lain yang memberikan natijah yang sama iaitu melalui kaedah hibah.

Sebagai contoh, seorang ibu yang mewarisi satu-satu harta adalah harus pada masa hidupnya untuk menghibahkan harta miliknya kepada sesiapa sahaja dari anaknya termasuk anak perempuan. Dengan kaedah ini ibu, anak perempuan dan juga suku tersebut masih boleh terus berpegang dengan sistem Tanah Adat yang menghalang anak lelaki dari mewarisi harta pusaka. Walaubagaimanapun, ibu tersebut mestilah tidak mengaitkan hibah dengan kematiannya seperti beliau mengatakan, “jika ibu meninggal, maka ibu hibahkan tanah ini kepada kamu”. Jika ini dilakukan maka harta tersebut akan menjadi harta pusaka sebaik saja berlaku kematian kepada ibu tersebut dan ianya wajib diagihkan mengikut hukum Faraid.

Ketiga: HIBAH AMANAH

Hibah Amanah berbeza sedikit dari Hibah biasa. Hibah Amanah ialah gabungan konsep Hibah dan amanah. Jika hibah biasa ianya perlu diserahkan kepada penerima hibah sebelum berlaku kematian pemberi hibah. Jika berlaku kematian pemberi hibah sebelum hibah tersebut diterima (*qabdh*) oleh penerima hibah, maka hibah itu adalah terbatal dan ianya hendaklah dibahagikan mengikut hukum faraid. Jika penerima hibah pula yang meninggal dunia sebelum berlakunya penerimaan (*qabdh*), maka harta yang dihibahkan itu mestilah dikembalikan kepada pemberi hibah.

Namun Hibah amanah adalah harta yang diserahkan kepada pihak ketiga samada individu atau syarikat atau organisasi tertentu sebagai pemegang amanah. Dalam erti kata lain pemberi hibah menyerahkan harta tersebut kepada pihak lain untuk dijaga sehinggalah kematiannya. Pemberi hibah dalam kes ini akan menamakan siapakah penerima hibah tersebut. Sebaik sahaja pemberi hibah meninggal dunia, maka pihak pemegang amanah (*trustee*) akan menyerahkan harta tersebut samada dengan biaya tertentu atau secara percuma.

Harta tersebut dalam kes ini bukan lagi dianggap sebagai harta pusaka kerana sebaik menyerahkan harta tersebut kepada pemegang amanah (*trustee*) maka pemberi hibah telah melucutkan haknya dari harta tersebut. Di Malaysia, kaedah ini digunapakai oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) yang menyediakan Skim Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan lain-lain produk. Oleh kerana pemegang saham ASNB tidak mensyaratkan wujudnya penama (*nominee*), maka jika berlaku kematian pemegang ASNB, maka tiada cara lain untuk mendapatkan wang dari ASNB tersebut kecuali waris membawa surat kuasa (*Letter of Admin*) atau Probet dari mahkamah tinggi untuk mengeluarkan wang dari ASNB ini.²⁶

Melalui kaedah Hibah Amanah, para pemegang saham ASNB melantik ASNB sebagai pemegang amanah (*trustee*) yang mana sebaik saja berlaku kematian maka pihak ASNB akan menyerahkan wang dari ASNB tersebut kepada waris yang telah dilantik oleh pemegang saham sebelum berlakunya kematian.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan berdasarkan kepada perbincangan di atas, adalah jelas bahawa pembahagian harta pusaka mengikut kaedah dan sistem Tanah Adat yang dilaksanakan pada masa ini adalah tidak bertepatan dengan hukum Syarak kerana hak bagi setiap waris sememangnya telah ditetapkan oleh Allah melalui nas yang jelas dan *qat'ie*. Justeru, adalah tidak harus untuk meneruskan amalan ini.

Walaupun terdapat kaedah yang membolehkan pengamal sistem Tanah Adat untuk terus melaksanakan sistem ini tetapi bukan kerana sengaja mencari helah untuk melakukan sesuatu yang dilarang, namun dengan niat untuk melindungi hak wanita yang sememangnya diperlihara oleh Islam. Kaedahnya ialah dengan menggunakan kaedah, pertama: *waqaf zurriy* atau wakaf keluarga, kedua: kaedah *hibah* dan ketiga melalui kaedah *Hibah amanah*. Ketiga-tiga kaedah ini adalah bertepatan

²⁶ n.a. 09 April 2013. <http://www.asnb.com.my/service.php>.

dengan hukum syara' dan dalam masa yang sama masih boleh melindungi hak wanita sepertimana yang diamalkan oleh sistem Tanah Adat.

Tujuan undang-undang adat di kalangan masyarakat Minang sama ada di Indonesia mahupun di Malaysia terhadap harta pusaka tinggi (tanah adat) adalah baik, iaitu agar keluarga besar kaum tidak melarat dan mempunyai bekal ketika ahli waris meninggal, juga untuk membentengi tanah-tanah adat dari dikuasai oleh orang-orang dari luar. Tetapi tujuan baik ini (*maslahat*) tidak boleh sampai mengetepikan hukum syarak yang menjadi landasan adat Perpatih itu sendiri. Justeru, penyelesaian masalah dalam perkara ini perlu tetap merujuk kepada syarak. Jika sekiranya ada hukum syarak yang tidak terpenuhi, maka perlu disempurnakan. Jika terdapat hukum Islam yang belum dipenuhi dalam masalah harta pusaka tinggi ini, maka adat harus mengikut syarak kerana kedudukan hukum syarak lebih tinggi daripada adat (*adat bersendikan syarak, syarak bersendikan kitabullah*). Oleh kerana adat bukanlah suatu yang *qat'ie* dan tak dapat ditukar, maka ia perlu diubah dan disesuaikan dengan kehendak syarak.

RUJUKAN

- Ahmad Fauzie Ridwan. 1982. *Hukum Tanah Adat–Multi disiplin Pembudayaan Pancasila*. Jakarta: Dewaruci Press.
- Hamka. 2006. *Islam & Adat Minangkabau*. Shah Alam. Selangor: Pustaka Dini.
- n.a. 15 September 2015. “Sistem Tanah Adat Perpatih Bercanggah”. <<http://aliasmohdyusof.blogspot.my>>
- n.a. 28 September 2015. <<http://hukum.unsrat.ac.id/>>
- n.a. 28 September 2015. “Hindia Belanda”. <<https://id.wikipedia.org>>
- n.a. 28 September 2015. “Tanah Ulayat”. <<https://id.wikipedia.org>>
- n.a. 15 September 2015. <<http://www.asnb.com.my>>
- Makiah Tussaripah Hj Jamil dan Jamaliah Mohd Taib. n.d. *Kajian Adat Perpatih Di Negeri Sembilan: Satu Tinjauan Menurut Perspektif Islam*. Fakulti Sains Komputer dan Matematik Universiti Teknologi MARA (UiTM): Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU). Cawangan Kampus Kuala Pilah.
- Narullah Dt. Parpatiah Nan Tuo. 1999. *Tanah Ulayat Menurut Ajaran Adat Minangkabau Sumatera Barat*. Padang: Yayasan Sakato Batuah LKAAM.
- Ria Agustar. 2008. *Pelaksanaan Pembagian Warisan Atas Harta Pencarian Dalam Lingkungan Adat Minangkabau Di Kecamatan Lubuk Kilangan Kota Padang*. (Disertasi Master). Semarang: Universitas Diponegoro.

al-Sabuniy, Muhammad. 2002. *al Mawarith fi Al-Syari'ah al Islamiyyah fi Dhau' al Kitab wa al-Sunnah*. n.pl: Maktabah al Taufiqiyyah.

Westenenk, L.C. 1912. *De Minangkabausche Nagari*. (Ter). Mahjudin Saleh. Padang: Bursa Buku Fakultas Hukum Universitas Andalas.

al-Zuhailiy, Wahbah. 1987. *al-Wasaya wal Waqf fi Al Fiqh al Islamiy*. Beyrut: Dar Al-Fikr al-Muasir.

Sajuti Thalib. 1985. *Hubungan Tanah Adat dengan Hukum Agraria di Minangkabau*. n.pl: Bina Aksara.